

MAHATHIR-PERDAGANGAN

(1)

1982

KUALA LUMPUR, 11 OGOS (BERNAMA) - BEBERAPA AMALAN TRADISIONAL KERAJAAN AKAN DIKAJI SEMULA DAN DIUBAHSUAI UNTUK MEMESATKAN LAGI PERANAN SEKTOR SWASTA DI BIDANG EKONOMI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUMUMKAN MALAM INI.

PERDANA MENTERI BERKATA INI SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MENGGALAKKAN AKTIVITI SEKTOR SWASTA TERUTAMANYA DALAM BIDANG PEMBINAAN BAGI MENGATASI KESAN TINDAKAN BERJIMAT CERMAT KERAJAAN.

PERBELANJAAN KERAJAAN YANG BERKURANGAN PASTI AKAN MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI TETAPI MATLAMATNYA IALAH SUPAYA MENGURANGKAN KELEMBAPAN

EKONOMI KESELURUHANNYA, KATANYA. KETIKA BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN KEBANGSAAN DI SINI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN BERAZAM UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN YANG TERKENAL DAN HASRAT INI TIDAK AKAN TERCAPAI TANPA KERJASAMA DARI PIHAK SWASTA.

TETAPI KITA BOLEH BERKATA BAHAWA KITA TIDAK AKAN MENCAPAI MATLAMAT KITA SEKIRANYA SEKTOR SWASTA TERLALU PENAKUT DAN BERGANTUNG SANGAT KEPADA KERAJAAN. --LAGI 2313/HM

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA KERAJAAN SEDANG MENKKAJI KEPERLUAN UNTUK MENGHAPUSKAN BEBERAPA AMALAN LAMA DAN SEKTOR SWASTA HARUS MENGAMBIL PELUANG KETIKA AKTIVITI LEMBAB UNTUK MENKKAJI PERANAN DAN AMALAN-AMALAN MASA LALU.

TIDAK DAPAT DINAFIKAN BAHAWA BANYAK USAHA DAPAT DIJALANKAN UNTUK MELAHIRKAN BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TEMPATAN YANG CEKAP DAN MAMPU MENGHADAPI CABARAN KEMELESETAN DUNIA EKONOMI YANG DIALAMI SEKARANG.

INI TERMASUKLAH BIDANG-BIDANG YANG BIASANYA DIURUSKAN OLEH 'JIRAN-JIRAN KITA' SEPERTI MEMASARKAN BARANGAN BUATAN MALAYSIA.

SATU LAGI BIDANG IALAH MENGENALPASTI DAN MENKKAJI PASARAN-PASARAN BARU MEMANDANGKAN TERDAPAT BANYAK BIDANG PERNIAGAAN YANG TIDAK DICEBURI.

BARU SEKARANG KITA MENCEBURI BIDANG MAKANAN SIAP SEGERA TETAPI SEKIRANYA KITA BERUSAHA UNTUK MENKKAJI AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI DENGAN LEBIH DEKAT DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEREKA AKAN MENEMUI BERBAGAI-BAGAI LAGI BIDANG PERNIAGAAN...+

PERDANA MENTERI BERJANJI KERAJAAN BERMINAT UNTUK MENGGALAKKAN BIDANG PERNIAGAAN BARU ASALKAN MEREKA JUJUR DAN TIDAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG DALAM PERNIAGAAN MEREKA -- LAGI. 2316/HM

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYESALI SIKAP PENIAGA-PENIAGA MALAYSIA YANG PENAKUT DAN TIDAK AKAN MELAKUKAN SESUATU MELAINKAN MENDAPAT PERLINDUNGAN.

+INI MEMBUAT MEREKA TINGGAL DALAM NEGERI SAHAJA KERANA HANYA KERAJAAN SENDIRI SAHAJALAH YANG MAMPU MEMBERI PERLINDUNGAN. DI LUAR NEGERI MEREKA TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN SEBARANG PERLINDUNGAN DAN KERANA ITU TIDAK BOLEH PERGI JAUH UNTUK MENGHADAPI PERSAINGAN TERBUKA.+

SIKAP SEUMPAMA INI, MENURUT DR. MAHATHIR MENYEBABKAN PENIAGA TEMPATAN HANYA MENGELUARKAN HASIL YANG SEDIKIT SAHAJA BAGI KEPERLUAN TEMPATAN DAN MENJUAL SELEDIHNYA DI PASARAN ANTARABANGSA.

TETAPI BAGI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN YANG BARU SEPERTI KOREA DAN TAIWAN MEREKA MERANCANG KILANG ATAS DASAR UNTUK MENGURANGKAN UNIT KOS PENGELUARAN DAN BERKEUPAYAAN UNTUK MENJUAL DENGAN HARGA YANG MURAH DILUAR NEGERI SEHINGGA PASARAN TEMPATAN SENDIRI TIDAK TERDAPAT BAHAN TERSEBUT.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MASANYA-TELAH TIBA BAGI PENIAGA MALAYSIA MEMJADI LEBIH BERANI DAN BERSATU SERTA MEMBUAT PENGELUARAN DENGAN CARA BESAR-BESARAN UNTUK BERSAINGAN DALAM PASARAN DUNIA.

MEREKA TIDAK AKAN DAPAT MEMASUKI PERINDUSTRIAN YANG MENGGANTIKAN BARANGAN IMPORT SELAGI MEREKA TIDAK MENGUBAH SIKAP INI.--

LAGI 2323/HM

0003

MAHATHIR-PERDAGANGAN 4 KUALA LUMPUR

JIKA PELOPOR INDUSTRI GETAH DI MALAYSIA TERLALU TAKUT-TAKUT, KITA MUNGKIN MASIH MENJUAL SEKILU GETAH DI LUAR MALAYSIA ...

.. SYUKUR MEREKA TIDAK DEMIKIAN.+

SAYA TIDAKLAH TERLALU BERTERIMA KASIH KEPADA BRITISH TETAPI INILAH SATUNYA PERISTIWA DIMANA MEREKA PERLU DIUCAPKAN TERIMA KASIH,+ JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA MASIH TERUS MENEMUKAN CADANGAN PELABURAN BARU YANG MENARIK IAITU SEBANYAK KIRAKIRA 40 CADANGAN SEBULAN DAN IANYA ADALAH SATU BUKTI KEYAKINAN TERHADAP MASA DEPAN EKONOMI NEGARA.

KEADAAN KEMELESETAN TIDAK AKAN BERKEKALAN DAN PELABURAN YANG AKAN MASUK APABILA KEADAAN EKONOMI PULIH SEMULA ADALAH SATU STRATEGI YANG BAIK TETAPI IA TIDAK AKAN PULIH SECEPAT YANG DIHARAPKAN.

BELIAU YAKIN NEGARA PENGELUAR BAHAN MENTAH SEPERTI MALAYSIA TIDAK AKAN MENJADI MAJU SEPERTI BEKARANG JIKA RISIKO TIDAK BERANI DIAMBIL

BELIAU BERHARAP PENEKANAN DIBERI KEPADA BARANGAN MALAYSIA UNTUK PASARAN TEMPATAN DAN JUGA UNTUK EKSPORT.--LAGI 2326/HM

MAHATHIR-PERDAGANGAN 5 KUALA LUMPUR

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENEGASKAN PERLUYANYA BAGI SEKTOR SWASTA MENGADAKAN PERATURANNYA SENDIRI DIMANA BARANGAN LUAR BIASA DAN MUTU YANG BERTERUSAN DIBERI ANUGERAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TENTANG ADA SIKAP DI KALANGAN PENIAGA MALAYSIA YANG MENYANGKA BAHAWA KEUNTUNGAN YANG PALING BESAR BOLEH DIDAPATI IALAH DENGAN MENGURANGKAN KOS KE PERINGKAT MINIMA DAN MENGELUARKAN BARANGAN YANG LUAR BIASA UNTUK PASARAN TEMPATAN.

WALAU PUN BARANGAN TERSEBUT MUNGKIN BOLEH DIJUAL KEPADA SESUATU GOLONGAN PENGGUNA, IANYA PASTI TIDAK SESUAI UNTUK ORANG LAIN DAN TIDAK

SESUAI JUGA UNTUK JUALAN DALAM PASARAN ASING.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH EJADIAN DIMANA PENIAGA ASING DITIPU OLEH PENIAGA TEMPATAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB LALU MENCADANGKAN PENGESKORT MENUBUHKAN PERSATUAN YANG MENENTUKAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN YANG SAH.

INI AKAN MENYAKINKAN PENGIMPORT LUAR NEGERI DAN MENGURANGKAN PELUANG PENIAGA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENIPU MEREKA YANG BARU SAHAJA MEMULAKAN PERNIAGAAN DI

SINI.--BERNAMA 2332/HM